

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1996/97**

**Oktober/November 1996**

**HIA 101 Pengantar Pengajian Islam**

**Masa: [3 jam]**

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **TIGA** [3] daripada soalan-soalan berikut. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Sesetengah manusia menyangka bahawa dengan kemajuan sains dan teknologi dan pembangunan ekonomi, peranan agama tidak diperlukan lagi. Beri komen anda terhadap pandangan ini dengan tumpuan kepada aspek-aspek berikut:
  - [a] Fenomena beragama sebagai suatu kecenderungan semulajadi (fitrah).
  - [b] Peranan yang boleh dimainkan oleh agama dalam pembangunan dan kemajuan.
  
2. Al-Qur'an merupakan satu-satunya Kitab Suci (Wahyu Allah) yang masih terpelihara kesahihannya sehingga kini. Bincangkan secara ilmiah mengenai al-Qur'an daripada sudut-sudut berikut:
  - [a] Mu'jizat-mu'jizatnya.
  - [b] Cara penurunan dan pengumpulannya dalam bentuk mushaf.

3. Firman Allah dalam surah al-Anbiya', ayat 22 bermaksud:
- “Sekiranya terdapat di langit dan di bumi tuhan-tuhan selain Allah tentulah keduanya rosak binasa ...”
- Berdasarkan ayat di atas, huraikan perkara-perkara berkaitan yang berikut:
- [a] Aqidah Tawhid sebagai “ruh” agama Islam dan paksi segala ajarannya.
  - [b] Syirik merupakan penyelewengan yang paling besar dalam aqidah dan mempunyai kesan-kesannya yang negatif ke atas kehidupan peribadi dan sosial.
4. Seseorang Muslim diwajibkan beribadah hanya kepada Allah S.W.T. Bincangkan tentang ibadah daripada sudut-sudut berikut:
- [a] Konsep dan skopnya.
  - [b] Implikasinya dalam kehidupan individu dan masyarakat.
5. Sebagai satu cara hidup yang lengkap (*al-Din*) Islam mengandungi ajaran-ajaran yang sempurna dalam bidang Mu'amalat. Bincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Mu'amalat daripada sudut-sudut berikut:
- [a] Keperluan manusia kepadanya.
  - [b] Aturan-aturan umum yang ditetapkan Islam untuk mengawal perilaku manusia dalam bidang berkenaan.